

## **UMS tawar 850 tempat**

Oleh Wan Azizi Wan Ibrahim

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) menawarkan sebanyak 850 tempat untuk pelajar matrikulasi bagi sesi 1998/99 berbanding hanya 650 tempat pada sesi sebelum ini, kata Pengarah Pusat Matrikulasi UMS (PMUMS), Prof Madya Dr Shariff Omang.

Menurutnya, pertambahan sebanyak 200 tempat atau 30.7 peratus itu bertujuan menyediakan lebih banyak tempat kepada lulusan Sijil Pelajaran Malaysia yang cemerlang.

Beliau berkata, PMUMS juga membuka satu lagi pusatnya yang baru, iaitu di SM Sains Lahad Datu

(SMSLD), bagi menampung sebahagian daripada pertambahan berkenaan. "SMSLD dipilih untuk menjadi salah satu PMUMS kerana sebagai Sekolah Berasrama Penuh, sekolah berkenaan mempunyai prasarana pendidikan yang lengkap dan sempurna.

"Penempatan pelajar matrikulasi di sekolah ini bertujuan membantu pelajar dari segi kewangan kerana kos mengikuti pengajian matrikulasi di sini jauh lebih murah berbanding kolej swasta.

"Pusat ini juga bertujuan menggilap kecemerlangan pelajar luar bandar teru-

tama di Sabah dan Sarawak," katanya.

SMSLD adalah pusat matrikulasi UMS yang keempat dan yang pertama diwujudkan di Malaysia Timur. UMS mempunyai pusat matrikulasi di Kolej Mara Kulim, Kedah, SM Sains Muar, Johor dan satu program francis dengan sebuah kolej swasta di Ampang, Kuala Lumpur.

PMUMS menawarkan dua program, iaitu Matrikulasi Sains dan Matrikulasi Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat yang memakan masa selama dua hingga empat semester.